

11/02/1999

Kerajaan ubah suai IMP-2

MONTEGO BAY (Jamaica), Rabu - Kerajaan akan membuat beberapa pengubahsuaian terhadap Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP-2) bagi memastikan ia terus relevan dan dapat membantu mempercepat pengukuhan ekonomi negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata pengubahsuaian itu akan dilakukan dengan mengkaji semula sasaran IMP-2 sedia ada, terutama terhadap industri tertentu.

"Kita mendapati ketika ini sesetengah sektor, seperti automotif dan pengeluaran komponen elektronik memerlukan penyesuaian," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berada di sini bagi menghadiri Mesyuarat Menteri Perdagangan dan Ekonomi Negara Kumpulan 15 (G-15) sempena sidang kemuncak ketua negara pertubuhan itu yang bermula di sini, hari ini.

Delegasi Malaysia diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar serta pegawai kanan lain.

Rafidah berkata, satu lagi aspek yang mungkin mengalami sedikit pengubahsuaian dalam IMP-2 ialah dari segi sasaran daya saing industri yang digariskan sebelum ini.

Menurutnya, beberapa jawatankuasa khas di kementeriannya sudah ditugaskan untuk menyediakan kertas cadangan berhubung pengubahsuaian itu dan ia dijangka dibincangkan dalam mesyuarat yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Bagaimanapun, teras IMP-2 yang menjurus kepada pembangunan industri secara berkelompok akan terus dikekalkan kerana ia didapati berkesan dalam mencapai matlamatnya," katanya.

Sejak memperkenalkan IMP-2 yang akan merangkumi tempoh 10 tahun bermula 1995 untuk menggantikan IMP pertama sebelum itu, kerajaan mengenal pasti 22 kelompok industri yang akan diberi tumpuan.

Rafidah bagaimanapun berkata, sasaran unjuran pelaburan langsung asing (FDI) sepanjang tempoh IMP-2, iaitu RM25 bilion setahun sepanjang tempoh 1995 hingga 2005, dijangka tidak diubah.

"Ini kerana sehingga ini kita masih yakin matlamat itu dapat dicapai terutama selepas kejayaan Malaysia menerima kemasukan FDI yang lebih tinggi daripada paras itu pada 1996 dan 1997," katanya.

Menurut Rafidah, kerajaan juga dijangka tidak mengubah sasaran supaya 60 peratus daripada modal pelaburan itu diperolehi daripada sumber tempatan manakala baki 40 peratus lagi menerusi sumber asing kerana yakin ia dapat dicapai.

Mengulas mengenai ekonomi semasa, beliau berkata, keadaan sudah semakin pulih walaupun bukan sepenuhnya kerana proses pengukuhan semula ekonomi memerlukan masa.

Beliau memberi contoh Malaysia seperti seorang pemain ragbi terkemuka yang jatuh sakit dan terlantar satu ketika dulu tetapi kini sudah mula sihat dan melakukan kegiatan biasa.

(END)